

# BENCODYL LINCTUS

Diphenhydramine HCL/Ammonium Chloride/Sodium Citrate/Menthol Crystal (14mg/135mg/57mg/ 1.1 mg per 5ml)

---

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan BENCODYL LINCTUS
2. Bagaimana BENCODYL LINCTUS berfungsi
3. Sebelum mengambil BENCODYL LINCTUS
4. Cara menggunakan BENCODYL LINCTUS
5. Semasa menggunakan BENCODYL LINCTUS
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan BENCODYL LINCTUS
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan BENCODYL LINCTUS

BENCODYL LINCTUS digunakan untuk batuk kahak dan komplikasi yang berkaitan dengan gangguan alahan dan manifestasi alahan penyakit pernafasan misalnya. selsema dan bronkitis.

## Bagaimana BENCODYL LINCTUS berfungsi

*Diphenhydramine Hydrochloride* merupakan agen antihistamin dan bertindak secara pengurangan seperti dalam pengurangan penularan saraf *cholinergic* dan pengurangan rembesan hidung. *Diphenhydramine* juga digunakan bagi kanak-kanak yang mempunyai alahan batuk akut.

*Ammonium Chloride* merupakan ekspektoran dan bertindak dalam peningkatan jumlah isipadu rembesan dalam saluran pernafasan supaya memudahkan penyingkiran kahak berlaku melalui batuk.

*Menthol* berfungsi untuk melegakan masalah pernafasan. Ia mempunyai kesan *anaesthetic*

(tidak peka terhadap kesakitan) dan kesan penyejukan.

## Sebelum mula mengambil BENCODYL LINCTUS

### -Bila tidak boleh mengambil

- Jangan mengambil BENCODYL LINCTUS sekiranya anda:
- alah kepada bahan antihistamin

### -Sebelum menggunakan ubat ini

- Bagi kanak-kanak berumur 2 hingga 6 tahun, diambil dengan berhati-hati dan dapat nasihat daripada doktor atau ahli farmasi.
- Jangan beri ubat ini kepada kanak-kanak berumur bawah 2 tahun.
- Berbincang dengan doktor anda sebelum mengambil ubat ini jika anda tidak pasti dengan pengambilan ubat ini.

### -Jika mengambil ubat-ubat lain

- Beritahu doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil ubat ini, termasuk mana-mana yang anda dapatkan tanpa preskripsi dari kedai farmasi, pasaraya atau kedai makanan kesihatan anda.
- Sesetengah ubat dan BENCODYL LINCTUS mungkin berinteraksi antara satu sama lain. Ia mungkin terjejas oleh BENCODYL LINCTUS atau mungkin menjejaskan cara ia berfungsi.
- Tidak boleh diambil oleh pesakit yang mengambil *monoamine oxidase (MAOIs)* atau berhenti rawatan dalam tempoh 14 hari disebabkan terdapat risiko sindrom serotonin.
- Ia boleh mengganggu metabolisme ubat lain.
- Diphenhydramine dapat meningkatkan kesan ephedrine.
- Diphenhydramine boleh mengelakkan tindak balas kulit

kepada ujian kulit alahan dan juga gejala ototoksik yang berkaitan dengan antibiotik tertentu.

## Cara mengambil BENCODYL LINCTUS

### -Berapa banyak harus digunakan

- Bagi dewasa: 10ml
- Bagi kanak-kanak umur 6 hingga 12 tahun: 2.5-5ml
- Bagi kanak-kanak 2 hingga 6 tahun: 2.5 ml

### -Bila perlu digunakan

- Untuk diambil setiap hari 3-4 kali.

### -Berapa lama perlu digunakan

- Oleh kerana ubat batuk dan selsema biasanya diambil bila perlu sahaja, anda mungkin tiada waktu yang tetap untuk dos anda.
- Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat.
- Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, tunggu sehingga sampai masa untuk mengambil dos seterusnya dan abaikan dos yang tertinggal.

### -Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

- Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika anda atau sesiapa telah terambil dos berlebihan.
- Antihistamin yang berlebihan boleh menyebabkan pergerakan otot yang tidak teratur, demam yang serius, tidak dapat tidur, gementar, mengganggu dalam denyutan jantung, kegagalan pengecutan otot dan otot bergerak-gerak.

## Semasa menggunakan BENCODYL LINCTUS

### -Pekara yang perlu dilakukan

- Beritahu ahli farmasi atau doctor anda sekiranya symptom anda tidak bertambah baik. Ahli farmasi atau doktor anda akan memeriksa keadaan anda dan anda

# BENCODYL LINCTUS

Diphenhydramine HCL/Ammonium Chloride/Sodium Citrate/Menthol Crystal (14mg/135mg/57mg/ 1.1 mg per 5ml)

perlu meneruskan atau tidak pengambilan ubat ini.

- Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan BENCODYL LINCTUS

- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa mengambil ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan membeli atau menggunakan ubat-ubat lain untuk merawat masalah batuk, selsema atau alergi/alahan tanpa bertanya kepada ahli farmasi atau doktor anda terlebih dahulu.

- Jika anda mengambil sesetengah ubat bersama-sama, anda berkemungkinan mengambil terlalu banyak ubat yang sama.

- Bacalah label ubat lain yang anda gunakan untuk memastikan sama ada ianya mengandungi diphenhydramine.

- Jangan mengambil diphenhydramine untuk merawat masalah lain kecuali atas arahan ahli farmasi atau doktor anda.

- Jangan beri ubat anda kepada orang lain walaupun mereka mengalami masalah yang sama seperti anda.

- Jangan mengambil lebih daripada dos yang disarankan kecuali atas arahan doktor atau ahli farmasi

-Perkara yang perlu diberi perhatian

- Diphenhydramine boleh menyebabkan kesan sampingan yang boleh mengganggu cara anda berfikir dan bertindak.

- Jangan memandu atau mengendalikan jentera berat sehingga anda pasti bagaimana kesan ubat ini terhadap anda.

- Berhati-hati sekiranya meminum alkohol semasa mengambil ubat ini.

## Kesan-kesan sampingan

Beritahulah doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda berasa tidak sihat semasa mengambil BENCODYL LINCTUS. Ubat ini membantu kebanyakan orang tetapi ia juga mempunyai kesan sampingan pada sesetengah orang.

Kadang-kadang ianya serius dan kadang-kadang ianya tidak. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan sekiranya anda mengalami kesan-kesan sampingan tersebut.

Jangan bimbang dengan senarai kesan sampingan berikut. Anda mungkin tidak akan mengalaminya. Bertanyalah dengan doktor atau ahli farmasi jika anda mempunyai sebarang persoalan.

Hubungi doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda mengalami kesan sampingan berikut dan ianya membimbangkan anda:

- mengantuk,
- sedasi
- sakit kepala
- gangguan koordinasi
- gangguan otot seperti kesukaran dalam pembuangan air kencing, mulut kering, kabur penglihatan, kerengsaan perut dan pemekatan rembesan saluran pernafasan

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web [npra.gov.my](http://npra.gov.my) [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)]

## Cara penyimpanan dan pelupusan BENCODYL LINCTUS

### - Penyimpanan

Simpanlah ubat ini di tempat yang sejuk dan kering di mana suhunya bawah 30°C. Lindungi daripada cahaya.

### - Pelupusan

Ubat tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Dapatkan maklumat daripada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

## Maklumat lanjut

### - Rupa dan warna produk

Sirap berwarna coklat, berperisa rasberi.

### - Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif

*Diphenhydramine HCl, Ammonium Chloride, Sodium Citrate, Menthol Crystal.*

Bahan tidak aktif

*Citric Acid Anhydrous, Sodium Benzoate BP, Raspberry flavour, Liquid Caramel, Liquid Glucose, Purified Water dan Sugar Syrup.*

### - Nombor MAL

MAL19860108AZ

## Pengilang dan Pemegang

### Pendaftaran Produk

KCK Pharmaceuticals Industries Sdn Bhd

Plot 61, Bayan Lepas Industrial Park Phase 4, Lintang Bayan Lepas 1, 11900 Bayan Lepas, Pulau Pinang, Malaysia.

## Tarikh Kemaskini RiMUP

14 Jun 2022

## Nombor Siri

NPRA(R2/1)300119/40